

11 NOV 2001

Mahathir-Amerika

MAHATHIR SEDIH DENGAN LANGKAH AMERIKA

PUTRAJAYA, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sedih dengan langkah Amerika Syarikat yang semakin memberi tumpuan kepada orang Islam dan negara Islam dalam tindakannya memerangi pengganas.

Perdana Menteri menyifatkan keadaan itu sebagai amat malang kerana sekarang ini umum mengetahui bahawa pengganas juga terdiri daripada orang bukan Islam.

"Nampak makin lama, tumpuan ialah kepada orang Islam dan negara-negara Islam. Ini menyedihkan sedikit kerana kita tahu sekarang inipun ada pengganas yang bukan Islam," katanya kepada pemberita selepas menyertai kejohanan menunggang lasak antarabangsa PDRM/TNB 2001 di Universiti Tenaga Nasional di sini.

Beliau diminta mengulas langkah Amerika mengetatkan pengeluaran visa kepada pengunjung lelaki dari 25 negara Islam termasuk Malaysia mulai minggu depan.

Menurut laporan akhbar hari ini Jabatan Negara Amerika Syarikat telah mengumumkan untuk melaksanakan langkah itu, yang akan juga meliputi negara Islam lain iaitu Afghanistan, Algeria, Bahrain, Djibouti, Mesir, Eritrea, Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Kuwait, Lubnan, Libya, Maghribi, Oman, Pakistan, Qatar, Arab Saudi, Somalia, Sudan, Syria, Tunisia, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Yaman.

Laporan dari agensi berita asing itu memetik Setiausaha Negara Amerika Colin Powell sebagai berkata bahawa langkah itu hanya sementara untuk menjamin keselamatan rakyat Amerika.

Lelaki Islam berusia 16 hingga 45 tahun dari 25 negara Islam terbabit perlu mengisi borang soal selidik terperinci dan terpaksa menunggu 20 hari bagi mendapatkan visa.

Dr Mahathir berkata bahawa pada masa ini tidak dapat diketahui sama ada Amerika adalah sasaran kumpulan pengganas.

"Mungkin sasaran mereka bukan Amerika. Tapi kita juga tahu di Oklahoma, yang meletupkan, yang meruntuhkan bangunan itu terdiri daripada orang bukan Islam. Ramai juga yang mati di situ.

"Saya harap ini adalah satu langkah sementara," katanya.

Pengerusi DAP Lim Kit Siang berkata langkah Amerika Syarikat mengenakan sekatan visa itu adalah tidak adil dan tidak berasas.

Langkah itu mengukuhkan lagi tanggapan antarabangsa bahawa Amerika kini memerangi Islam untuk bertindak balas terhadap serangan pengganas di negara itu pada 11 Sept lepas, katanya dalam satu kenyataan.

Ia seolah-olah bermakna semua lelaki Islam berumur antara 16 dan 45 tahun di kalangan 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia sebagai pengganas, kata Lim.

Beliau mencadangkan agar satu rombongan daripada semua parti membuat bantahan kepada Duta Amerika Syarikat di sini.

-- BERNAMA

AFY AZZ MAI